



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;
TAKWA DAN
PEKERJAAN



ISLAMIC SALVAGEUR OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"TAKWA DAN PEKERJAAN". 1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: فَمَنْ اتَّقَى وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفَ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ</p> <p style="text-align: right;">﴿٣٥﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga kita mendapat manfaat daripada khutbah yang disampaikan ini.</p>	5
<p>Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan "TAQWA DAN PEKERJAAN".</p>	6



<p>Taqwa ialah memelihara hubungan yang baik dengan Allah SWT, memelihara diri daripada melakukan perbuatan yang tidak diredhai oleh Allah SWT. Memelihara dan taat segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.</p>	7
<p>Hadis daripada Abu Dzarr Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>“Allah berfirman, ‘Sesiapa yang melakukan kebajikan, maka ia mendapatkan pahala sepuluh kebajikan dan Aku tambah dan Sesiapa yang melakukan keburukan, maka balasannya satu keburukan yang sama, atau diampuni dosanya. Sesiapa yang mendekat kepada-Ku sejengkal, maka Aku mendekat kepadanya sehasta dan Sesiapa yang mendekat kepada-Ku sehasta, maka Aku mendekat kepadanya sedepa; Sesiapa yang datang kepada-Ku dengan berjalan, maka Aku datang kepadanya dengan berlari. Sesiapa yang menemui-Ku dengan dosa sepenuh bumi tanpa menyekutukan Aku dengan sesuatu apapun, maka Aku menemuinya dengan maghfirah yang sama.”</i></p> <p><i>(Riwayat Muslim dan Ahmad).</i></p>	8
<p>Sesungguhnya taqwa adalah kunci kejayaan bagi setiap mukmin kerana Allah SWT akan sentiasa berada di sisi hamba-Nya yang selalu berserah dan bertaqwa kepada-Nya dalam apa jua keadaan sama ada senang atau pun ketika ditimpa masalah atau musibah. Bahkan ianya menjadi bekalan untuk memperoleh kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.</p>	9



Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 197 :

وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ ﴿١٩٧﴾

10

"Berbekallah dan sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah taqwa dan bertaqwalah kepada-Ku, wahai orang yang berakal".

11

Hamba yang bertakwa meyakini bahawa ketaatan mereka kepada penciptanya tidak akan disia-siakan oleh Allah SWT. Ketakwaan seorang hamba yang mengaku beriman kepada Allah SWT bukanlah perkara yang bersifat pilihan, sebaliknya taqwa kepada-Nya adalah suatu yang mesti diterapkan dalam semua tindakan kita selagi nyawa dikandung badan. Taqwa bukanlah suatu yang hadir pada situasi tertentu, sebaliknya ia lahir dari sebuah keyakinan yang tidak berbelah bagi. Kesabaran yang tinggi, kesungguhan, jihad dan pengorbanan yang besar yang mengenyampingkan keseronokan dunia.

12

Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Biarkanlah aku dengan apa yang aku tinggalkan kepada kamu semua. Sesungguhnya telah binasa orang yang sebelum kamu tidak lain kerana banyak persoalan dan perselisihan mereka terhadap nabi-nabi mereka. Maka apabila aku melarang kamu daripada sesuatu urusan, jauhilah ia dan apabila aku memerintahkan kamu dengan suatu urusan, lakukanlah sekadar yang termampu."

13

(Riwayat al-Bukhari).



Sempena dengan Hari Pekerja pada 1 Mei lalu, marilah kita sama-sama menerapkan sifat taqwa dengan menjadikan pekerjaan sebagai aktiviti harian yang mendekatkan diri kita kepada Allah SWT. Pekerjaan yang dilakukan hendaklah dari sumber yang halal dan dibelanjakan kepada yang halal juga agar dapat memperolehi keberkatan di dunia dan kebaikan di akhirat.

14

Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا حَلَالًا اسْتِغْفَافًا عَنِ الْمَسْأَلَةِ، وَسَعِيَ عَلَى أَهْلِهِ،
وَتَعَطَّفًا عَلَى جَارِهِ، جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَوَجْهُهُ كَالْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ

15

"Sesiapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri daripada meminta-minta, dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga, serta supaya dapat membantu tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari Kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan di malam purnama."

(Riwayat al-Baihaqi).

16

Sebagai seorang pekerja, baik yang bekerja sendiri atau bekerja dengan majikan tertentu, bekerjalah dengan semangat yang tinggi, bersikap amanah, menjauhi perkara yang mungkar. Jadikanlah pekerjaan kita sebagai ibadah dan mencari keredhaan Allah SWT semata-mata serta mengharapakan keberkatan daripada Allah SWT. Keperluan dan nafkah hidup wajib dijaga. Marilah kita sama-sama berniat mencari nafkah dan pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT.

17



<p>Namun begitu, niat yang betul mengikut syarak adalah bertepatan dengan perbuatan yang dilakukan berdasarkan niatnya. Oleh itu, bagi setiap pekerjaan yang dilakukan kerana Allah SWT hendaklah dibuat dengan bersungguh-sungguh dan penuh ketekunan.</p>	18
<p>Dalam melaksanakan kerja dengan bersungguh-sungguh dan tekun, menggunakan daya fikir yang tinggi dan khudrat tulang empat kerat, kewajipan syarak lainnya perlu dijaga, khususnya menjaga solat 5 waktu. Ini menunjukkan solat mengajar kita bijak menguruskan masa, berusaha untuk menjadi mukmin yang berpegang kepada amanah dan menepati janji kepada Allah SWT. Selain itu juga muslim yang taat dan mendirikan solat 5 waktu diibaratkan seolah-olah menegakkan agamanya yang amat dicinta.</p>	19
<p>Daripada Abdullah bin Mas'ud Radhiallahuanhu, beliau memberitahu: "<i>Aku pernah bertanya kepada Nabi Muhammad SAW, 'Amal apa yang paling dicintai Allah Ta'ala?' Rasulullah SAW menjawab, solat pada waktunya'.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</i></p>	20
<p>Ketika kita bekerja, maka bekerjalah dengan tekun dan jangan tinggalkan kewajipan yang lain. Pekerja yang mempunyai ketaqwaan sudah tentu akan menjauhi sebarang perbuatan maksiat dan dosa ketika melakukan kerjanya. Inilah elemen-elemen penting bagi seseorang pekerja yang bertakwa.</p> <p>Ironinya, ketika berniat, lakukanlah tugas dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Laksanakanlah kewajipan solat dan kewajipan agama yang lainnya, masih ada segelintir yang suka melakukan maksiat dan berperilaku buruk dalam kalangan pekerja, baik disedari mahupun tidak disedari.</p>	21



<p>Antara maksiat dan perlakuan buruk yang didapati masih berlaku adalah perlakuan salah guna kuasa dan rasuah dengan menggunakan kedudukannya untuk kepentingan peribadi. Maksiat rasuah dan salah guna kuasa juga didapati terlindung apabila ia dilakukan secara beramai-ramai dan berstruktur dalam sesebuah organisasi.</p> <p>Perlakuan ini berlaku apabila pekerja yang berada pada suatu kedudukan mengambil sikap bahawa kedudukannya adalah suatu keistimewaan dan kuasa sehingga membelakangkan amanah dan tanggungjawab yang diamahkan kepadanya.</p>	22
<p>Perbuatan rasuah dan salah guna kuasa sangat menghalang, mengekang dan membantutkan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan, dalam masa yang sama telah menyekat rakyat untuk menerima, merasai dan menikmati kesan kemajuan pembangunan negeri dan negara.</p>	23
<p>Sehubungan itu, marilah semua warga kerja untuk tidak melakukan perkara yang haram, zalim, merosakkan ekonomi dan menghalang pembentukan sesebuah negara maju dan harmoni. Perlu diingat, rasuah menjadi kebiasaan kerana dimulakan dengan mencubanya, akhirnya menjadi berani melakukannya hingga menjadi suatu kebiasaan dan menjadi perkara keperluan yang betul dan wajar.</p>	24
<p>Ingatlah! rasuah berlaku berpunca daripada 3 sebab. Pertama: kerana keperluan terdesak. Kedua: kerana kerakusan dan kecintaan duniawi yang tidak dapat dibendung, dan Ketiga: Kerana sistem kerja yang lemah atau gagal dikuatkuasakan.</p>	25



Oleh itu, pekerja yang bertaqwa hendaklah hidup sesuai dengan upah yang diterima. laluilah kehidupan dengan sekadar keperluan bukan berdasarkan kehendak yang tidak terhad. Sentiasalah melakukan kerja dengan amanah, berintegriti, Ikhlas dan menjadi pekerja yang baik dimana juga ditempatkan. Jauhilah menjadi pekerja yang hanya berkira-kira dengan tugasnya, berat untuk saling membantu rakan sekerja kerana ianya tidak mencerminkan ketaqwaan bahkan menunjukkan satu sikap mementingkan diri sendiri sahaja.

26

Sejarah mengajar kita bahawa sikap mementingkan diri sendiri inilah yang menjadi punca keruntuhan Daulah Islamiah dan juga permusuhan antara sesama Islam. Ambillah iktibar dari kisah-kisah lampau dengan penuh keinsafan dan juga penyesalan dan janganlah kita kita menjadi faktor yang mendorong sejarah berulang.

27

Mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah sentiasa meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dalam melakukan urusan dunia dan mendekati diri kepada Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa berpandangan jauh dalam pekerjaan disamping sentiasa mengingati kematian dan bersedia dengan bekalan untuk hari akhirat.
3. Umat Islam hendaklah menjaga amanah dan berintegriti dalam pekerjaan serta menjauhi perbuatan maksiat dan mungkar yang boleh menyebabkan kerosakan dan kemusnahan diri, keluarga dan masyarakat.

28



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ</p>	29
<p><i>"wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedang kamu mengetahui (salahnya)".</i></p> <p><i>(Surah al-Anfal: 27).</i></p>	
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،



<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظِّمِ، سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah! kami berindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.</p>	11



<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٩١﴾</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15